

**PM semakin sembuh tapi belum boleh bertugas**  
**Malaysiakini.com**  
**November 09, 2010**

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, yang dibenarkan keluar dari Hospital Kuala Lumpur (HKL) Sabtu lalu, masih lagi menjalani rawatan lanjut di hospital itu, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai.

"Perdana Menteri semakin sembuh dan menunjukkan respon baik terhadap rawatan, bagaimanapun, beliau masih perlu ke hospital untuk menjalani beberapa rawatan lanjutan," katanya kepada pemberita pada majlis perasmian Hospital Ampang yang disempurnakan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin, di Kuala Lumpur hari ini.

Beliau berkata, Najib hanya boleh mula bertugas selepas mendapat laporan kesihatan dan perakuan daripada pakar perubatan mengesahkan bahawa beliau sihat sepenuhnya.

"Pakar perubatan sentiasa mengawasi keadaan kesihatan beliau, beliau akan mula bertugas selepas laporan kesihatan beliau dikeluarkan oleh pakar ini," katanya.

Apec: Muhyiddin ganti Najib

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin akan menggantikan Najib bagi mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) ke-18 di Yokohama, Jepun dan seterusnya menghadiri Mesyuarat Pemimpin-pemimpin Ekonomi APEC (AELM) pada hujung minggu ini.

Sidang Kemuncak kali ini yang bertemakan "Perubahan dan Tindakan", akan didahului dengan Mesyuarat Menteri-menteri APEC (AMM) ke-22 pada 10 dan 11 November serta Mesyuarat Akhir Pegawai-pegawai Kanan APEC (CSOM) dua hari yang berakhir semalam.

Timbalan Perdana Menteri akan diiringi isteri, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman, Timbalan Menteri Luar Datuk Richard Riot Jaem, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Tan Sri Abdul Rahman Mamat, pegawai-pegawai kanan Pejabat Timbalan Perdana Menteri, Kementerian Luar, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Kewangan.

Muhyiddin akan menyentuh isu-isu mengenai penilaian Matlamat Bogor, strategi pertumbuhan APEC, integrasi ekonomi serantau dan Agenda Pembangunan Doha.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/147726>